

30 SEP 2000

JPA AKAN KAJI CADANGAN CUEPACS HAPUSKAN GAJI STATIK

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengkaji cadangan Cuepacs supaya pergerakan gaji statik di dalam Jadual Gaji Matriks Sistem Saraan Baru (SSB) dihapuskan, sebaliknya semua pergerakan gaji tahunan diberi secara mendatar.

"Kita akan kajilah...", kata Ketua Pengarah JPA Tan Sri Samsudin Osman kepada pemberita ketika diminta mengulas cadangan Cuepacs yang terkandung dalam memorandum yang diserahkan pada pertemuan tertutup mereka dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, Rabu lepas.

Samsudin berkata JPA selalu mengadakan rundingan dengan Cuepacs termasuk semasa mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan mengenai skim perkhidmatan awam dan banyak perkara yang dimajukan oleh kongres itu telah diselesaikan.

"Jadi perkara-perkara besar ini memerlukan kajian yang lebih teliti, banyak isu-isu kecil telah kita selesaikan," katanya.

Mengikut Jadual Gaji Matriks dalam SSB, terdapat empat kaedah pergerakan gaji iaitu secara melintang, menegak, mendatar dan statik.

Cuepacs dalam memorandum berkenaan mencadangkan sistem gaji sebaris digunakan bagi menggantikan sistem gaji tiga baris dalam SSB sekarang dengan menggabungkan ketiga-tiga paras satu, dua dan tiga.

Kongres itu juga berpendapat laporan penilaian prestasi tahunan tidak harus dikaitkan dengan pergerakan gaji tahunan serta tidak dijadikan asas untuk pergerakan gaji melintang, menegak, mendatar atau statik.

-- BERNAMA

HS ES ZB